



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM
ARAS 10, SETIA PERKASA 1, KOMPLEKS SETIA PERKASA
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62546 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8889 1763 / 1751
Web : www.moha.gov.my

Ruj. Kami : KDN.K.S.700-3/1/8 Jld. 37 (8)
Tarikh : 21 Ogos 2025

Kepada yang berkenaan,

Tuan/Puan,

PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN AGENSI PERSENDIRIAN TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana Tuan/Puan sedia maklum, lesen Agensi Persendirian syarikat kawalan keselamatan wajib diperbaharui pada setiap tahun sebelum 31 Disember mengikut peruntukan Seksyen 3(4), di bawah Akta Agensi Persendirian 1971. Oleh yang demikian, permohonan dalam talian bagi pembaharuan lesen Agensi Persendirian tahun 2026 boleh dilaksanakan **bermula 1 September 2025 hingga 30 Disember 2025**. Permohonan pembaharuan lesen yang **diterima selepas tarikh tutup 30 Disember 2025 akan menyebabkan kelewatan dalam proses pembaharuan dan pengeluaran lesen**.

3. Sebagai langkah penambahbaikan dan usaha untuk membantu pihak syarikat memperbaharui lesen masing-masing, Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan mengadakan **Hari Bertemu Pelanggan** yang dikhaskan kepada syarikat mengikut jadual yang telah ditetapkan untuk mengemukakan dokumen permohonan pembaharuan lesen bagi tujuan pemeriksaan dokumen lengkap. Pihak syarikat juga boleh menyerahkan dokumen pembaharuan lesen Agensi Persendirian di Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam (Bahagian K), Aras 10, Blok Setia Perkasa 1, Kompleks Setia Perkasa selain daripada hari bertemu pelanggan. Walau bagaimanapun, serahan dokumen di kaunter Bahagian ini tidak akan disemak pada hari yang sama dan akan menyebabkan kelewatan memproses permohonan pembaharuan lesen syarikat.

4. Syarikat digalakkan untuk membuat janji temu secara atas talian terlebih dahulu melalui *Modul Janji Temu* di ESIMS sebelum hadir untuk mengelakkan kesesakan. **Jadual Hari Bertemu Pelanggan** adalah seperti di **Lampiran A**.

5. Pihak syarikat diingatkan supaya mematuhi syarat-syarat pembaharuan dan mengemukakan dokumen yang lengkap dalam bentuk *hardcopy* dan juga dalam bentuk digital / *scanned document* (pdf) yang dimuatnaik dalam **pendrive**. Kegagalan pihak

syarikat mematuhi syarat pembaharuan dan mengemukakan dokumen yang tidak lengkap akan menyebabkan permohonan lesen syarikat tidak diproses dan tidak diperbaharui. Garis Panduan dan Senarai Semak Pembaharuan Lesen bagi Tahun 2026 adalah seperti di **Lampiran B**. Sehubungan itu, dimohon Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM) untuk memastikan semua syarikat kawalan keselamatan mengemukakan dokumen pada Hari Bertemu Pelanggan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK ZULKIFLI BIN ABIDIN)

Bahagian Keselamatan Dan Ketenteraman Awam
b.p: Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

s.k:

YBhg. Datuk KSU

YBhg. Dato' TKSU (K)

YBrs. SUB (IT)

Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM)

Unit 715 & 716, Blok A, Tingkat 7

Kelana Business Centre, Jalan SS7/2, Kelana Jaya

47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan